

17 SEP 2001

SEA-Mahathir (Cutti)

DR MAHATHIR ISYTIHAR SABTU CUTI UMUM

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Hari Sabtu ini (22 Sept) diisytiharkan cuti umum berikutan kejayaan Malaysia muncul sebagai juara keseluruhan Sukan SEA Ke-21 yang berakhir di sini hari ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata cuti umum tersebut merupakan hadiah kepada rakyat Malaysia kerana memberi sokongan kepada atlit negara yang membolehkan Malaysia menjadi juara buat kali pertama dalam sejarah 42 tahun temasya sukan serantau itu.

Malaysia meraih 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa, mengalahkan juara bertahan Thailand yang mengumpul 103 emas, 86 perak dan 89 gangsa.

"Ya, ini hadiah untuk rakyat kerana mereka menunjukkan minat dan semangat, termasuk yang datang dari Sabah dan Sarawak, untuk menyokong peserta," katanya kepada pemberita apabila ditanya sama ada cuti umum tersebut merupakan hadiah kepada rakyat kerana kejayaan Malaysia pada temasya itu.

Beliau berkata demikian selepas menutup temasya itu di Stadium Nasional Bukit Jalil dan menyampaikan anugerah Olahragawan dan Olahragawati Sukan SEA Ke-21.

Dr Mahathir berkata sokongan rakyat Malaysia telah membantu atlit negara menunjukkan prestasi yang lebih baik pada temasya kali ini sehingga membolehkan Malaysia muncul sebagai johan.

Dr Mahathir sebelum itu dijangka mengumumkan pengisytiharan cuti semasa melakukan upacara penutupan temasya sukan itu.

Semasa persidangan media kemudian Perdana Menteri yang ditanya sama ada esok cuti umum, berkata: "Esok tidak ada cuti. Sabtu ini kita cuti supaya kita dapat cuti lebih panjang."

"Kalau esok (cuti) satu hari saja, sekejap sangat. Sabtu boleh sambung Ahad," katanya.

Perdana Menteri berkata cuti umum tersebut juga adalah untuk membolehkan rakyat Malaysia melupakan apa jua perselisihan faham antara mereka.

"(Cuti) ini juga supaya buat seketika, kita semua dapat melupakan salah faham antara kita dan kita semua berminat dengan sukan dan kita juga ingin melihat Malaysia mencapai kejayaan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau amat gembira dan bersyukur dengan kejayaan negara yang disifatkannya sebagai tidak diduga.

Bagaimanapun beliau berasa kurang puas hati dengan pencapaian olahraga yang begitu ketinggalan dari segi punggutan pingat berbanding cara-acara lain.

Perdana Menteri berkata bagi mengatasi kelemahan itu, beliau berharap bakal peserta olahraga dapat dilatih bermula daripada awal lagi iaitu sejak kecil seperti pendekatan yang diambil dalam acara gimrama, renang, silat dan boling sehingga dapat menyumbang banyak pingat.

"Saya yakin kalau kita bermula awal-awal semasa kecil lagi dan kita betul-betul melatih membina semangat, kita akan dapat menang dalam bidang olahraga," katanya.

Perdana Menteri yang kelihatan riang dan tersenyum sepanjang sidang berita itu juga menasihati semua atlit negara termasuk olahraga supaya tidak kecewa sekiranya gagal memberi sumbangan pingat untuk negara kali ini.

"Kita tidak boleh kecewa kerana kita tidak mendapat memberi sumbangan.

Kita kena berusaha kerana kita dapati dalam banyak bidang yang dahulu kita tidak terkenal, sekarang ini kita terkenal dengan kebolehan kita seperti boling," katanya.

Ditanya harapannya kepada atlit negara yang akan bertanding dalam pelbagai kejohanan antarabangsa yang lain termasuk pada Sukan SEA ke-22 di Vietnam pada 2003, Dr Mahathir berkata beliau berharap prestasi cemerlang sekarang dapat dikekalkan.

"Kita harap begitulah (cemerlang), cuma jangan bila kita jadi tuan rumah sahaja. Di mana-mana juga kita mesti biasakan diri kita bertanding di tempat yang kita tidak biasa dan di tempat yang penyokong kita tidak begitu ramai,".

"Di sini kita punya penyokong yang cukup ramai menyokong Malaysia," katanya.

Yang turut hadir pada persidangan media itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

-- BERNAMA

RAR RAR LAT ZS